



10 Mei 2022
10 May 2022
P.U. (A) 153

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (KEPERLUAN PENDEDAHAN BAGI AKAUN AMANAH DAN AKAUN BERSAMA) (PINDAAN) 2022

MALAYSIA DEPOSIT INSURANCE CORPORATION (DISCLOSURE REQUIREMENTS FOR TRUST ACCOUNTS AND JOINT ACCOUNTS) (AMENDMENT) REGULATIONS 2022

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA 2011

PERATURAN-PERATURAN PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA
(KEPERLUAN PENDEDAHAN BAGI AKAUN AMANAH DAN AKAUN BERSAMA)
(PINDAAN) 2022

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 42(4) dan 209(1) Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 [*Akta 720*], Perbadanan, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Keperluan Pendedahan bagi Akaun Amanah dan Akaun Bersama) (Pindaan) 2022**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Julai 2022.

Pindaan peraturan 2

2. Peraturan-Peraturan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Keperluan Pendedahan bagi Akaun Amanah dan Akaun Bersama) 2012 [*P.U. (A) 418/2012*], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam peraturan 2—

(a) dengan menggantikan takrif “akaun amanah” dengan takrif yang berikut:

‘ “akaun amanah” ertinya suatu akaun amanah berkenaan dengan suatu deposit bagi maksud Bab 1 Bahagian IV Akta yang dibuka atau disenggarakan dalam suatu anggota penerima deposit oleh seorang pemegang amanah yang setiap benefisiari kepada akaun amanah itu, dan amaun atau peratusan kepentingan benefisiari itu dalam akaun amanah itu, boleh dikenal pasti;’

(b) dengan menggantikan takrif “akaun bersama” dengan takrif yang berikut:

‘ “akaun bersama” ertinya suatu akaun bersama berkenaan dengan suatu deposit bagi maksud Bab 1 Bahagian IV Akta yang dibuka atau disenggarakan dalam suatu anggota penerima deposit oleh seorang pemunya bersama dengan mana-mana orang lain;’;

(c) dengan memasukkan selepas takrif “akaun bersama” takrif yang berikut:

‘ “butiran benefisiari” ertinya—

(a) nama dan alamat setiap benefisiari, atau kod angka abjad atau apa-apa kod atau pengenalan pasti lain bagi benefisiari itu dalam suatu akaun amanah; dan

(b) amaun atau peratusan setiap kepentingan benefisiari dalam suatu akaun amanah;

“deposit” mempunyai erti yang sama sebagaimana yang diberikan kepadanya dalam perenggan 41(1)(a) Akta;’;

(d) dalam takrif “pemunya bersama”, dengan memotong perkataan “dan” di hujung takrif itu;

(e) dengan memasukkan selepas takrif “pemunya bersama” takrif yang berikut:

‘ “skim e-wang” ertinya suatu skim berkenaan dengan wang elektronik yang dikeluarkan oleh suatu pengeluar wang elektronik yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia di bawah seksyen 11 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758] atau seksyen 11 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [Akta 759];

“wang elektronik” mempunyai erti yang sama sebagaimana yang diberikan kepadanya dalam subseksyen 2(1) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 atau subseksyen 2(1) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.’; dan

(f) dengan memotong takrif “tahun taksiran”.

Penggantian peraturan 3

3. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 3 dengan peraturan yang berikut:

“Pendedahan semasa pembukaan suatu akaun amanah

3. (1) Seorang pemegang amanah hendaklah, semasa pembukaan suatu akaun amanah, mengemukakan kepada anggota penerima deposit maklumat dan dokumen yang berikut:

(a) suatu pernyataan bahawa deposit dalam akaun amanah itu dipegang sebagai suatu amanah oleh pemegang amanah itu;

(b) nama, alamat dan nombor kad pengenalan atau nombor passport pemegang amanah itu atau apa-apa pengenalpastian lain pemegang amanah itu yang boleh diterima oleh anggota penerima deposit itu; dan

(c) butiran benefisiari.

(2) Seorang pemegang amanah hendaklah, semasa pembukaan suatu akaun amanah bagi maksud suatu skim e-wang, mengemukakan kepada anggota penerima deposit maklumat dan dokumen yang berikut:

- (a) suatu pernyataan bahawa deposit dalam akaun amanah itu dipegang sebagai suatu amanah oleh pemegang amanah itu;
- (b) apa-apa dokumentasi sokongan yang boleh diterima oleh anggota penerima deposit itu yang menjadi keterangan bahawa—
 - (i) deposit dalam akaun amanah itu dipegang sebagai suatu amanah oleh pemegang amanah itu bagi maksud suatu skim e-wang; dan
 - (ii) pengeluar wang elektronik itu ialah suatu pengeluar yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia di bawah seksyen 11 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 atau seksyen 11 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 untuk mengeluarkan wang elektronik; dan
- (c) nama, alamat dan nombor kad pengenalan atau nombor passport pemegang amanah itu atau apa-apa pengenalpastian lain pemegang amanah itu yang boleh diterima oleh anggota penerima deposit itu.

(3) Bagi maksud Peraturan-Peraturan ini, seorang pemegang amanah yang tidak mematuhi kehendak di bawah subperaturan (1) atau (2) tetapi yang kemudiannya mengemukakan maklumat dan dokumen yang dikehendaki kepada anggota penerima deposit itu hendaklah disifatkan sebagai membuka suatu akaun amanah yang baharu di bawah subperaturan (1) atau (2) pada tarikh pengemukakan maklumat dan dokumen itu kepada anggota penerima deposit.”.

Pemotongan peraturan 4

4. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memotong peraturan 4.

Pemotongan peraturan 5

5. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memotong peraturan 5.

Pindaan peraturan 7

6. Peraturan 7 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam nota bahu dengan menggantikan perkataan “**pada masa lain**” dengan perkataan “**butiran benefisiari, rekod benefisiari dan dokumen atau maklumat lain**”; dan
- (b) dengan memasukkan selepas perkataan “telah atau sedang dipegang,” perkataan “butiran benefisiari dan rekod benefisiari yang dikemas kini dari semasa ke semasa dan,”.

Dibuat 5 April 2022
[PIDM/PN/1/2022; PN(PU2)689/JLD. 7]

TAN SRI DR. RAHAMAT BIVI YUSOFF
Pengerusi
Perbadanan Insurans Deposit Malaysia

Diluluskan 17 April 2022
[MOF.SBM(R)600-41/39/101; PN(PU2)689/JLD. 7]

TENGGU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL BIN TENGGU ABDUL AZIZ
Menteri Kewangan

[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 209(4) Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011]

MALAYSIA DEPOSIT INSURANCE CORPORATION ACT 2011

MALAYSIA DEPOSIT INSURANCE CORPORATION
(DISCLOSURE REQUIREMENTS FOR TRUST ACCOUNTS AND JOINT ACCOUNTS)
(AMENDMENT) REGULATIONS 2022

IN exercise of the powers conferred by subsections 42(4) and 209(1) of the Malaysia Deposit Insurance Corporation Act 2011 [*Act 720*], the Corporation, with the approval of the Minister, makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Malaysia Deposit Insurance Corporation (Disclosure Requirements for Trust Accounts and Joint Accounts) (Amendment) Regulations 2022**.

(2) These Regulations come into operation on 1 July 2022.

Amendment of regulation 2

2. The Malaysia Deposit Insurance Corporation (Disclosure Requirements for Trust Accounts and Joint Accounts) Regulations 2012 [*P.U. (A) 418/2012*], which are referred to as the “principal Regulations” in these Regulations, are amended in regulation 2—

(a) by substituting for the definition of “trust account” the following definition:

‘ “trust account” means a trust account in respect of a deposit for the purposes of Chapter 1 of Part IV of the Act which is opened or maintained in a deposit-taking member by a trustee where each beneficiary to the trust account, and the amount or percentage of the beneficiary’s interest in the trust account, can be identified;’

(b) by substituting for the definition of “joint account” the following definition:

‘ “joint account” means a joint account in respect of a deposit for the purposes of Chapter 1 of Part IV of the Act which is opened or maintained in a deposit-taking member by a joint owner with any other person;’;

(c) by inserting after the definition of “joint account” the following definitions:

‘ “beneficiary’s details” means—

(a) the name and address of each beneficiary, or the alphanumeric code or any other code or identifier for such beneficiary in a trust account; and

(b) the amount or percentage of each beneficiary’s interest in a trust account;

“deposit” has the same meaning as assigned to it in paragraph 41(1)(a) of the Act;’;

(d) in the definition of “joint owner”, by deleting the word “and” at the end of the definition;

(e) by inserting after the definition of “joint owner” the following definitions:

‘ “e-money scheme” means a scheme in respect of the electronic money issued by an issuer of electronic money approved by Bank Negara Malaysia under section 11 of the Financial Services Act 2013 [Act 758] or section 11 of the Islamic Financial Services Act 2013 [Act 759];

“electronic money” has the same meaning as assigned to it in subsection 2(1) of the Financial Services Act 2013 or subsection 2(1) of the Islamic Financial Services Act 2013.’; and

(f) by deleting the definition of “assessment year”.

Substitution of regulation 3

3. The principal Regulations are amended by substituting for regulation 3 the following regulation:

“Disclosure on opening of trust account

3. (1) A trustee shall, on the opening of a trust account, submit to the deposit-taking member the following information and document:

- (a)* a statement that the deposit in the trust account is held in trust by the trustee;
- (b)* the name, address and identity card number or passport number of the trustee or any other identification of the trustee which is acceptable to the deposit-taking member; and
- (c)* the beneficiary’s details.

(2) A trustee shall, on the opening of a trust account for the purposes of an e-money scheme, submit to the deposit-taking member the following information and document:

- (a)* a statement that the deposit in the trust account is held in trust by the trustee;
- (b)* any supporting documentation that is acceptable to the deposit-taking member evidences that—
 - (i)* the deposit in the trust account is held in trust by the trustee for the purposes of the e-money scheme; and

(ii) the issuer of the electronic money is an approved issuer by Bank Negara Malaysia under section 11 of the Financial Services Act 2013 or section 11 of the Islamic Financial Services Act 2013 to issue the electronic money; and

(c) the name, address and identity card number or passport number of the trustee or any other identification of the trustee which is acceptable to the deposit-taking member.

(3) For the purposes of these Regulations, a trustee who fails to comply with the requirements under subregulation (1) or (2) but who subsequently submits the required information and document to the deposit-taking member shall be deemed to be opening a new trust account under subregulation (1) or (2) as at the date of submission of the information and document to the deposit-taking member.”.

Deletion of regulation 4

4. The principal Regulations are amended by deleting regulation 4.

Deletion of regulation 5

5. The principal Regulations are amended by deleting regulation 5.

Amendment of regulation 7

6. Regulation 7 of the principal Regulations is amended—

(a) in the shoulder note, by substituting for the words “**at other times**” the words “**of beneficiary’s details, beneficiary’s records and documents or other information**”; and

- (b) by inserting after the words “has been or is held,” the words “the beneficiary’s details and the beneficiary’s records which are updated from time to time and,”.

Made 5 April 2022
[PIDM/PN/1/2022; PN(PU2)689/JLD. 7]

TAN SRI DR. RAHAMAT BIVI YUSOFF
Chairman
Malaysia Deposit Insurance Corporation

Approved 17 April 2022
[MOF.SBM(R)600-41/39/101; PN(PU2)689/JLD. 7]

TENGGU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL BIN TENGGU ABDUL AZIZ
Minister of Finance

[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 209(4) of the Malaysia Deposit Insurance Corporation Act 2011]